



4 Julai 2023
4 July 2023
P.U. (A) 199

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL
SURI RUMAH (PENDAFTARAN DAN CARUMAN) 2023

*HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY (REGISTRATION AND
CONTRIBUTION) REGULATIONS 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022
PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH
(PENDAFTARAN DAN CARUMAN) 2023

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II
PENDAFTARAN

2. Pendaftaran suri rumah
3. Pemberitahuan perubahan
4. Daftar

BAHAGIAN III
CARUMAN

5. Bayaran caruman
6. Bayaran caruman bagi pihak suri rumah
7. Bayaran balik caruman yang Akta tidak terpakai
8. Caruman mengikutimbangan
9. Tempoh caruman
10. Tempoh perlindungan
11. Pemakaian tak retroaktif
12. Pemetongan caruman oleh majikan
13. Ketidakupayaan suami untuk membayar caruman

BAHAGIAN IV

AM

Peraturan

14. Pendaftaran tidak lengkap
15. Kesahan dokumen
16. Kegagalan pembayaran caruman oleh suami suri rumah

JADUAL

AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022
PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH
(PENDAFTARAN DAN CARUMAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 92 dibaca bersama subseksyen 13(1) Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 [*Akta 838*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Suri Rumah (Pendaftaran dan Caruman) 2023**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2022.

BAHAGIAN II
PENDAFTARAN

Pendaftaran suri rumah

2. (1) Mana-mana suri rumah, suami suri rumah itu atau mana-mana orang lain boleh memohon bagi pendaftaran suri rumah itu kepada Pertubuhan bagi Skim dalam Borang SR 1 Jadual bersama dengan apa-apa dokumen, maklumat dan butir-butir sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang SR 1.

(2) Seseorang suri rumah atau suami suri rumah itu boleh membenarkan mana-mana orang untuk melengkapkan dan memberikan Borang SR 1 Jadual yang disebut dalam subperaturan (1) bagi pihaknya tertakluk kepada apa-apa terma dan arahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pertubuhan.

(3) Jika Pertubuhan berpuas hati bahawa suri rumah atau suami suri rumah itu tidak dapat melengkapkan dan memberikan Borang SR 1 Jadual disebabkan oleh apa-apa sebab, Pertubuhan boleh memberikan bantuan kepada suri rumah atau suami suri rumah itu untuk melengkapkan Borang itu.

Pemberitahuan perubahan

3. Seseorang suri rumah atau suami suri rumah itu yang mendaftar suri rumah di bawah subperaturan 2(1), atau majikan suri rumah atau suami suri rumah itu hendaklah memberitahu kepada Pertubuhan secara bertulis mengenai apa-apa perubahan maklumat atau butir-butir yang telah diberikan dalam Borang SR 1 Jadual di bawah peraturan 2 dalam masa tujuh hari daripada perubahan itu.

Daftar

4. Pertubuhan hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar suri rumah mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN III

CARUMAN

Bayaran caruman

5. (1) Apabila didaftarkan di bawah peraturan 2, jika suami suri rumah itu memilih untuk membayar caruman berkenaan dengan suri rumahnya dalam Borang SR 1 Jadual, suami suri rumah itu hendaklah membayar caruman kepada Pertubuhan atau mana-mana ejen pada kadar caruman sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Akta.

(2) Jika suami suri rumah itu tidak memilih untuk membayar caruman itu dalam Borang SR 1 Jadual atau jika suri rumah itu tidak mempunyai suami, caruman berkenaan dengan suri rumah itu boleh dibayar oleh suri rumah itu sendiri kepada Pertubuhan atau mana-mana ejen pada kadar caruman sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Akta.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), suami suri rumah itu boleh memilih untuk membayar caruman itu pada bila-bila masa berkenaan dengan suri rumahnya dalam Borang SR 1 Jadual.

(4) Bagi maksud subperaturan (1) dan (3), suami suri rumah itu hendaklah membayar caruman dalam masa tiga puluh hari dari tarikh suami suri rumah itu telah memilih untuk membayar caruman berkenaan dengan suri rumahnya dalam Borang SR 1 Jadual.

(5) Bagi maksud subseksyen 15(5) Akta, caruman yang kena dibayar di bawah peraturan ini boleh dibuat terlebih dahulu bagi dua belas bulan berturut-turut yang berikutnya dalam Borang SR 1 Jadual.

(6) Caruman di bawah peraturan ini hendaklah dibayar—

(a) secara tunai;

(b) secara kiriman wang, wang pos, perintah juruwang, arahan bank atau draf bank yang kena dibayar kepada Pertubuhan dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”; atau

(c) secara kad kredit, kad debit atau pemindahan wang secara elektronik.

(7) Apabila bayaran caruman di bawah peraturan ini diterima, Pertubuhan hendaklah mengeluarkan suatu Nombor Kod Pengenalan Suri Rumah kepada suri rumah dan memasukkan nama dan nombor kad pengenalannya ke dalam daftar yang disebut dalam peraturan 4.

Bayaran caruman bagi pihak suri rumah

6. (1) Bagi maksud menjalankan apa-apa program atau aktiviti, atau kerjasama menurut perenggan 13(2)(a) Akta, Pertubuhan boleh melaksanakan Skim kepada mana-mana suri rumah jika terdapat bayaran caruman dibuat oleh mana-mana orang bagi pihak suri rumah.

(2) Dalam menjalankan kuasanya di bawah subperaturan (1), Pertubuhan boleh meminta apa-apa dokumen, maklumat dan butir-butir sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan dan merekodkan dokumen, maklumat dan butir-butir suri rumah itu, dan memasukkan nama dan nombor kad pengenalnya ke dalam daftar yang disebut dalam peraturan 4.

Bayaran balik caruman yang Akta tidak terpakai

7. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), jika apa-apa caruman kepada Pertubuhan telah dibayar oleh atau bagi pihak mana-mana suri rumah yang baginya Akta tidak terpakai, jumlah wang yang telah dibayar oleh atau bagi pihak suri rumah itu, Pertubuhan hendaklah apabila berpuas hati bahawa jumlah wang itu tidak boleh dibayar di bawah Akta, membayar balik jumlah wang itu tanpa faedah kepada orang yang membuat bayaran itu.

(2) Pertubuhan hendaklah membayar balik caruman yang tidak layak dibayar di bawah subperaturan (1), jika bayaran balik itu dituntut dalam tempoh dua belas bulan dalam Borang SR 2 Jadual dari tarikh jumlah itu tidak kena dibayar di bawah Akta.

Caruman mengikut imbangan

8. Bagi maksud subseksyen 15(10) Akta, jika umur seorang suri rumah berinsurans melebihi umur lima puluh lima tahun dalam suatu tempoh caruman yang kena dibayar, kadar caruman hendaklah dikurangkan mengikut imbangan secara bulanan supaya jumlah caruman yang kena dibayar tidak melebihi had umur suri rumah berinsurans itu.

Tempoh caruman

9. (1) Seseorang suri rumah berinsurans hendaklah hanya dilindungi terhadap bencana domestik jika caruman telah dibayar terlebih dahulu berkenaan dengan dirinya—

(a) di bawah subperaturan 5(1), (2) atau (3) bagi tempoh caruman dua belas bulan; dan

(b) di bawah subperaturan 5(5) bagi dua belas bulan berturut-turut yang berikutnya.

(2) Tempoh caruman hendaklah bermula dari waktu dan tarikh caruman yang dibayar oleh atau bagi pihak seseorang suri rumah dan berakhir sebaik sahaja habis hari terakhir tempoh caruman itu.

(3) Bagi maksud tempoh caruman yang berterusan, caruman hendaklah dibayar bagi tempoh caruman yang baharu pada bila-bila masa sebelum habis tempoh caruman yang sedia ada, dan tempoh caruman yang baharu itu hendaklah bermula dari waktu dan tarikh sebaik selepas hari terakhir tempoh caruman yang sedia ada itu.

Tempoh perlindungan

10. (1) Berhubung dengan keilatan, tempoh perlindungan hendaklah bermula dari waktu dan tarikh pembayaran caruman dan berakhir sebaik sahaja habis hari terakhir tempoh perlindungan itu.

(2) Sekiranya tempoh perlindungan yang sedia ada bertindih dengan mana-mana tempoh perlindungan yang baharu, tempoh perlindungan sedia ada yang bertindih itu hendaklah dikira sebagai satu tempoh perlindungan sahaja dan hendaklah tidak ditambah kepada tempoh perlindungan yang baharu apabila tempoh perlindungan yang baharu itu bermula, dan tempoh perlindungan yang baharu itu hendaklah berakhir sebaik sahaja habis hari terakhir tempoh perlindungan itu tanpa mengambil kira pertindihan tempoh perlindungan itu.

Pemakaian tak retroaktif

11. Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini, tarikh permulaan tempoh caruman atau tempoh perlindungan tidak mempunyai pemakaian retroaktif dari waktu dan tarikh pembayaran caruman diterima oleh Pertubuhan.

Pemotongan caruman oleh majikan

12. (1) Seseorang suami suri rumah atau suri rumah itu boleh, dengan mengemukakan Borang SR 3 Jadual kepada Pertubuhan, meminta Pertubuhan untuk mengarahkan majikannya untuk memotong caruman yang kena dibayar di bawah subperaturan 5(1), (2), (3) atau (5) daripada gaji bulanannya.

(2) Apa-apa caruman melalui pemotongan daripada gaji yang kena dibayar di bawah subperaturan (1) oleh majikan hendaklah dibayar kepada Pertubuhan mengikut cara yang berikut:

- (a) secara tunai;
- (b) secara kiriman wang, wang pos, perintah juruwang, arahan bank atau draf bank yang kena dibayar kepada Pertubuhan dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja"; atau
- (c) secara kad kredit, kad debit atau pemindahan wang secara elektronik.

(3) Apabila menerima Borang SR 3 Jadual, Pertubuhan boleh menyerahkan suatu notis secara bertulis dalam Borang SR 4 Jadual kepada majikan melalui penyampaian ke diri atau melalui pos berdaftar Akuan Terima untuk mengarahkan majikan untuk memotong caruman itu.

(4) Apabila menerima Borang SR 4 Jadual, majikan hendaklah mematuhi arahan Pertubuhan yang dinyatakan dalam Borang SR 4 dan memotong gaji suami suri rumah atau suri rumah dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan Borang SR 4 atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Pertubuhan.

Ketidakupayaan suami untuk membayar caruman

13. (1) Jika seorang suami suri rumah telah memilih untuk membayar caruman berkenaan dengan suri rumah itu di bawah subperaturan 5(1) atau (3) dan—

(a) belum membayar caruman tetapi menjadi tidak berupaya untuk membayar caruman disebabkan oleh kehilangan pendapatan atau kerana apa-apa sebab lain, suami suri rumah itu hendaklah memaklumkan Pertubuhan berkenaan dengan ketidakupayaannya untuk membayar caruman dengan mengemukakan suatu notis bertulis dalam Borang SR 5 Jadual bersama dengan apa-apa dokumen, maklumat dan butir-butir sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang SR 5; atau

(b) telah membayar caruman berkenaan dengan suri rumah itu tetapi menjadi tidak berupaya untuk membayar caruman yang baharu disebabkan oleh kehilangan pendapatan atau kerana apa-apa sebab lain, suami suri rumah itu hendaklah memaklumkan Pertubuhan berkenaan dengan ketidakupayaannya untuk membayar caruman dengan mengemukakan suatu notis bertulis dalam Borang SR 5 Jadual bersama dengan apa-apa dokumen, maklumat dan butir-butir sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang SR 5.

(2) Notis dalam Borang SR 5 Jadual hendaklah dikemukakan kepada dan diakui penerimaan oleh Pertubuhan—

(a) dalam hal perenggan (1)(a), dalam masa tiga puluh hari dari tarikh suami suri rumah itu telah memilih untuk membayar caruman; dan

(b) dalam hal perenggan (1)(b), sekurang-kurangnya enam puluh hari sebelum habis tempoh caruman yang sedia ada.

- (3) Selepas Pertubuhan menerima Borang SR 5 Jadual—
- (a) suri rumah itu boleh membayar caruman mengikut subperaturan 5(2) bagi tempoh caruman yang baharu; dan
 - (b) suami suri rumah itu boleh pada bila-bila masa memilih semula untuk membayar caruman mengikut subperaturan 5(3) sebaik sahaja dia boleh membayar caruman berkenaan dengan suri rumahnya.

BAHAGIAN IV

AM

Pendaftaran tidak lengkap

14. Jika suatu pendaftaran dibuat dengan Pertubuhan didapati tidak lengkap, Pertubuhan boleh meminta suri rumah, suami suri rumah itu atau mana-mana orang lain untuk mengambil langkah yang perlu bagi melengkapkan pendaftaran itu dalam tempoh yang ditentukan oleh Pertubuhan.

Kesahan dokumen

15. (1) Jika apa-apa persoalan dibangkitkan mengenai kesahan apa-apa dokumen, maklumat atau butir-butir yang berhubungan dengan pendaftaran yang dikemukakan oleh suri rumah, suami suri rumah itu atau mana-mana orang lain, Pertubuhan boleh menghendaki suri rumah, suami suri rumah itu atau mana-mana orang lain untuk mengemukakan dokumen, maklumat atau butir-butir tambahan kepada Pertubuhan.

(2) Mana-mana Pemeriksa hendaklah mempunyai kuasa untuk memasuki mana-mana premis, tempat kediaman atau tempat penginapan yang merupakan tempat menjalankan aktiviti suri rumah untuk menentusahkan dokumen atau apa-apa butir lain termasuk waktu berlakunya suatu kemalangan di tempat itu.

Kegagalan pembayaran caruman oleh suami suri rumah

16. Walau apa pun peraturan 13, jika suami tidak membayar caruman bagi apa-apa tempoh caruman yang baharu, suri rumah kepada suami itu boleh membayar caruman mengikut subperaturan 5(2) bagi tempoh caruman yang baharu itu.

JADUAL

BORANG

Bil.	(1)	(2)
	Tajuk Borang	Borang
1.	Pendaftaran dan Caruman	Borang SR 1
2.	Tuntutan Bayaran Balik Caruman yang Tidak Layak Dibayar	Borang SR 2
3.	Permohonan bagi Pemetongan Caruman	Borang SR 3
4.	Notis Arahan bagi Pemetongan Caruman	Borang SR 4
5.	Notis Ketidakupayaan Membayar Caruman oleh Suami	Borang SR 5

Dibuat 9 Jun 2023

[KSM/PUU(S)600-1/1/31/1(3); PN(PU2)765]

SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU
Menteri Sumber Manusia

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY ACT 2022

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY
(REGISTRATION AND CONTRIBUTION) REGULATIONS 2023

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement

PART II

REGISTRATION

2. Registration of housewife
3. Notification of change
4. Register

PART III

CONTRIBUTION

5. Payment of contribution
6. Payment of contribution on behalf of housewife
7. Refund of contribution to which the Act does not apply
8. Proportionate contribution
9. Contribution period
10. Coverage period
11. Non-retroactive application
12. Deduction of contribution by employer
13. Inability of husband to pay contribution

PART IV
GENERAL

Regulation

14. Incomplete registration
15. Validity of document
16. Failure of payment of contribution by husband of housewife

SCHEDULE

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY ACT 2022

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY (REGISTRATION AND CONTRIBUTION)
REGULATIONS 2023

IN exercise of the powers conferred by section 92 read together with subsection 13(1) of the Housewives' Social Security Act 2022 [Act 838], the Minister makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Housewives' Social Security (Registration and Contribution) Regulations 2023**.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 1 December 2022.

PART II

REGISTRATION

Registration of housewife

2. (1) Any housewife, the husband of the housewife or any other person may apply for registration of the housewife to the Organization for the Scheme in Form SR 1 of the Schedule together with such documents, information and particulars as may be specified in Form SR 1.

(2) A housewife or the husband of the housewife may authorize any person to complete and furnish Form SR 1 of the Schedule referred to in subregulation (1) on her or his behalf subject to such terms and directions as the Organization deems necessary.

(3) If the Organization is satisfied that the housewife or the husband of the housewife is unable to complete and furnish Form SR 1 of the Schedule due to any reason, the Organization may provide assistance to the housewife or the husband of the housewife in completing the Form.

Notification of change

3. A housewife or the husband of the housewife who registers a housewife under subregulation 2(1), or an employer of the housewife or the husband of the housewife shall notify the Organization in writing of any change of information or particulars which has been provided in Form SR 1 of the Schedule under regulation 2 within seven days of such change.

Register

4. The Organization shall keep and maintain a register of housewives in the manner as may be determined by the Director General.

PART III CONTRIBUTION

Payment of contribution

5. (1) Upon registration under regulation 2, if the husband of the housewife elects to pay the contribution in respect of his housewife in Form SR 1 of the Schedule, the husband of the housewife shall pay the contribution to the Organization or any agent at the rate of contribution as may be specified in the Third Schedule of the Act.

(2) If the husband of the housewife does not elect to pay the contribution in Form SR 1 of the Schedule or if the housewife does not have a husband, the contribution in respect of the housewife may be paid by the housewife herself to the Organization or any agent at the rate of contribution as may be specified in the Third Schedule of the Act.

(3) Notwithstanding subregulation (2), the husband of the housewife may elect to pay the contribution at any time in respect of his housewife in Form SR 1 of the Schedule.

(4) For the purposes of subregulations (1) and (3), the husband of the housewife shall pay the contribution within thirty days from the date the husband of the housewife elected to pay the contribution in respect of his housewife in Form SR 1 of the Schedule.

(5) For the purposes of subsection 15(5) of the Act, the contribution payable under this regulation may be made in advance for the following twelve consecutive months in Form SR 1 of the Schedule.

(6) The contribution under this regulation shall be paid—

(a) by cash;

(b) by money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft made payable to the Organization and crossed with the words "Account Payee Only"; or

(c) by credit card, debit card or electronic fund transfer.

(7) Upon receiving the payment of contribution under this regulation, the Organization shall issue a Housewife Identity Code Number to the housewife and enter her name and her identity card number in the register referred to in regulation 4.

Payment of contribution on behalf of housewife

6. (1) For the purpose of carrying out any programme or activity, or collaboration pursuant to paragraph 13(2)(a) of the Act, the Organization may implement the Scheme to any housewife if there is payment of contribution made by any person on behalf of the housewife.

(2) In the exercise of its power under subregulation (1), the Organization may request any documents, information and particulars as may be determined by the Organization and record the documents, information and particulars of the housewife, and enter her name and her identity card number in the register referred to in regulation 4.

Refund of contribution to which the Act does not apply

7. (1) Subject to subregulation (2), if any contribution to the Organization has been paid by or on behalf of any housewife to whom the Act does not apply, the amount of money which has been paid by or on behalf of the housewife, the Organization shall upon being satisfied that the said amount of money is not payable under the Act, refund the said amount of money without interest to the person making the payment.

(2) The Organization shall refund the contribution that is not eligible to be paid under subregulation (1), if the refund is claimed within twelve months in Form SR 2 of the Schedule from the date the amount is not payable under the Act.

Proportionate contribution

8. For the purposes of subsection 15(10) of the Act, if the age of an insured housewife exceeds the age of fifty-five years within a payable contribution period, the rate of contribution shall be proportionately reduced on monthly basis so that the total contribution payable shall not exceed the age limit of the insured housewife.

Contribution period

9. (1) An insured housewife shall only be covered against a domestic injury if the contribution has been paid in advance in respect of herself—

(a) under subregulation 5(1), (2) or (3) for the contribution period of twelve months; and

(b) under subregulation 5(5) for the following twelve consecutive months.

(2) The contribution period shall begin from the time and date the contribution paid by or on behalf of a housewife and ends immediately on the expiration of the last day of the contribution period.

(3) For the purposes of a continuous contribution period, the contribution shall be paid for the new contribution period at any time before the expiration of the existing contribution period, and the new contribution period shall begin from the time and date immediately following the last day of the existing contribution period.

Coverage period

10. (1) In relation to invalidity, the coverage period shall begin from the time and date of the payment of the contribution and ends immediately on the expiration of the last day of the coverage period.

(2) In the event the existing coverage period overlaps with any new coverage period, the overlapped existing coverage period shall be counted as one coverage period only and shall not be added to the new coverage period when the new coverage period commenced, and the new coverage period shall end immediately on the expiration of the last day of the coverage period not taking into consideration the overlapped coverage period.

Non-retroactive application

11. Notwithstanding any provision in these Regulations, the starting date of the contribution period or coverage period shall not have retroactive application from the time and date the payment of the contribution is received by the Organization.

Deduction of contribution by employer

12. (1) A husband of the housewife or the housewife may, by submitting Form SR 3 of the Schedule to the Organization, request the Organization to instruct his or her employer to deduct the contribution payable under subregulation 5(1), (2), (3) or (5) from his or her monthly wages.

(2) Any contribution through deduction from wages payable under subregulation (1) by the employer shall be paid to the Organization in the following manner:

- (a) by cash;
- (b) by money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft made payable to the Organization and crossed with the words "Account Payee Only"; or
- (c) by credit card, debit card or electronic fund transfer.

(3) Upon receipt of Form SR 3 of the Schedule, the Organization may serve a notice in writing in Form SR 4 of the Schedule to the employer by personal service or by A.R. registered post to instruct the employer to deduct the contribution.

(4) Upon receipt of Form SR 4 of the Schedule, the employer shall comply with the instruction of the Organization specified in Form SR 4 and deduct the wages of the husband of the housewife or the housewife within thirty days from the date of receipt of Form SR 4 or any extended period allowed by the Organization.

Inability of husband to pay contribution

13. (1) Where a husband of the housewife has elected to pay the contribution in respect of the housewife under subregulation 5(1) or (3) and—

- (a) has yet to pay the contribution but becomes unable to pay the contribution due to loss of income or for any other reasons, the husband of the housewife shall inform the Organization in respect of his inability to pay the contribution by submitting a written notice in Form SR 5 of the Schedule together with such documents, information and particulars as may be specified in Form SR 5; or

(b) has paid the contribution in respect of the housewife but becomes unable to pay for the new contribution due to loss of income or for any other reasons, the husband of the housewife shall inform the Organization in respect of his inability to pay the contribution by submitting a written notice in Form SR 5 of the Schedule together with such documents, information and particulars as may be specified in Form SR 5.

(2) The notice in Form SR 5 of the Schedule shall be submitted to and acknowledged receipt by the Organization—

(a) in the case of paragraph (1)*(a)*, within thirty days from the date the husband of the housewife has elected to pay the contribution; and

(b) in the case of paragraph (1)*(b)*, at least sixty days before the expiry of the existing contribution period.

(3) After the Organization receives Form SR 5 of the Schedule—

(a) the housewife may pay the contribution in accordance with subregulation 5(2) for the new contribution period; and

(b) the husband of the housewife may at any time reelect to pay contribution in accordance with subregulation 5(3) immediately after he is able to pay the contribution in respect of his housewife.

PART IV
GENERAL

Incomplete registration

14. Where a registration made with the Organization appears to be incomplete, the Organization may request the housewife, the husband of the housewife or any other person to take the necessary steps to complete the registration within the period determined by the Organization.

Validity of document

15. (1) Where any question arises as to the validity of any documents, information or particulars relating to the registration produced by the housewife, the husband of the housewife or any other person, the Organization may require the housewife, the husband of the housewife or any other person to submit additional documents, information or particulars to the Organization.

(2) Any Inspector shall have the authority to enter any premises, place of residence or accommodation which is a place of the activities of the housewife to verify documents or any other details including when an accident occurs at that place.

Failure of payment of contribution by husband of housewife

16. Notwithstanding regulation 13, if a husband fails to pay contribution for any new contribution period, the housewife to the husband may pay contribution in accordance with subregulation 5(2) for the new contribution period.

SCHEDULE

FORM

No.	(1) Title of Form	(2) Form
1.	Registration and Contribution	Form SR 1
2.	Claim of Refund of Non-eligible Contribution	Form SR 2
3.	Application for Deduction of Contribution	Form SR 3
4.	Notice of Instruction for Deduction of Contribution	Form SR 4
5.	Notice of Inability to Pay Contribution by Husband	Form SR 5

Made 9 June 2023

[KSM/PUU(S)600-1/1/31/1(3); PN(PU2)765]

SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU
Minister of Human Resources